



UNIVERSITI
MALAYSIA
TERENGGANU

BUKU PANDUAN

PROGRAM SARJANA MUDA
PENGURUSAN (PENGAJIAN
POLISI) DENGAN KEPUJIAN

FAKULTI PERNIAGAAN, EKONOMI DAN
PEMBANGUNAN SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU



ISI KANDUNGAN

KATA ALU-ALUAN DEKAN	i
KALENDAR AKADEMIK (SARJANA MUDA).....	ii
VISI, MISI, FUNGSI & OBJEKTIF UNIVERSITI.....	1
LATAR BELAKANG UMT.....	2
FAKULTI PERNIAGAAN, EKONOMI DAN PEMBANGUNAN SOSIAL.....	3
Maklumat Am.....	4
Kemudahan Makmal.....	5
Tugas dan Peranan Mentor.....	6
Peraturan Pakaian dan Penampilan Pelajar Universiti Malaysia Terengganu	7
Polisi Universiti Malaysia Terengganu.....	8
BARISAN PENGURUSAN FAKULTI	10
Pengurusan Fakulti.....	10
PROGRAM SARJANA MUDA PENGURUSAN (PENGAJIAN POLISI) DENGAN KEPUJIAN.....	16
Objektif Program	16
Jumlah Kredit untuk Bergraduat	17
Kurikulum Program	17
SINOPSIS KURSUS	21

KATA ALU-ALUAN DEKAN



Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, Buku Panduan Program Akademik Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial (FPEPS) bagi Sesi akademik 2024/2025 telah dapat disempurnakan. Buat masa ini Fakulti FPEPS menawarkan 7 program pengajian pra-siswazah yang diiktiraf MQA iaitu Sarjana Muda Pengurusan (Pemasaran) dengan Kepujian, Sarjana Muda Pengurusan Pelancongan dengan Kepujian, Sarjana Muda Pengurusan (Pengajian Polisi) dengan Kepujian, Sarjana Muda Ekonomi (Sumber Alam) dengan Kepujian, Sarjana Muda Perakaunan dengan Kepujian, Sarjana Muda Kaunseling dengan Kepujian dan Sarjana Muda Kewangan dengan Kepujian.

Fakulti amat mengalu-alukan kehadiran pelajar pada sesi akademik kali ini. Selamat datang dan tahniah kerana anda terpilih untuk menyambung pengajian di Universiti Malaysia Terengganu khususnya FPEPS. Kehidupan anda sebagai pelajar universiti telah bermula. Pelajar harus menghargai dan memanfaatkan peluang ini sebaik yang mungkin sepanjang 3 atau 4 tahun tempoh pengajian di UMT. Kami warga Fakulti akan sentiasa berusaha dan bersedia untuk membantu anda membina kejayaan sebagai pelajar yang cemerlang di UMT.

Fakulti sentiasa komited dalam usaha pembangunan pelajar dan penawaran program pengajian yang berkualiti dan berdaya saing. Di antaranya FPEPS telah menawarkan tiga program yang diiktiraf oleh badan profesional iaitu program Sarjana Muda Perakaunan yang mendapat pengiktirafan oleh MIA, ACCA, MICPA, ICAEW dan CPA Australia, manakala program Sarjana Muda Kaunseling yang diiktiraf oleh badan profesional Lembaga Kaunselor Malaysia dan yang terkini Sarjana Muda Kewangan diiktiraf oleh Malaysian Financial Planning Council (MFPC).

Selain itu, majoriti tenaga pengajar Fakulti memegang kelulusan PhD dari pelbagai universiti di dalam dan luar negara. Fakulti juga telah berjaya melaksanakan kerjasama dengan universiti luar negara menerusi program *outbound* dan *inbound mobility* seperti dengan Universiti Dongguk (Korea Selatan); Prince of Songkla University (Thailand); Universitas Airlangga (Indonesia) dan banyak lagi. Pelajar turut berpeluang untuk mengikuti pelbagai aktiviti bertaraf antarabangsa, kebangsaan mahupun yang dianjurkan oleh kelab pelajar melalui NREC, MAR'C, HISAAC, PEKA, TOURMAC dan POSESO sepanjang bergelar mahasiswa dan mahasiswi di universiti.

Sebagai mahasiswa dan mahasiswi UMT, anda seharusnya peka dengan keperluan, peraturan dan syarat-syarat akademik yang terpakai di UMT supaya perjalanan pengajian anda di UMT lancar dan dapat menamatkan pengajian dengan jayanya. UMT mengamalkan mod PdP secara bersemuka dan interaktif bersama pelajar. Oleh demikian, pelajar hendaklah sentiasa berhubung dengan mentor, pensyarah atau Ketua Program untuk dapatkan nasihat dan bimbingan sekiranya menghadapi kesulitan dalam pelbagai situasi.

Akhir kata, diharapkan anda semua dapat merancang pengajian akademik dengan teratur dan berusaha bersungguh-sungguh untuk mencapai kecemerlangan. Tiada yang mustahil untuk dicapai sekiranya kita tekun berusaha dan sentiasa bersedia menempuh cabaran yang mendatang. Semoga usaha dan ikhtiar yang dilakukan ini akan sentiasa membawa hasil dan seterusnya memberi manfaat kepada agama, bangsa dan negara. Diharapkan agar pelajar dapat menggunakan sepenuhnya Buku Panduan ini sepanjang anda bergelar mahasiswa dan mahasiswi dalam bidang pengajian masing-masing.

Selamat Maju Jaya. Terima kasih.

Profesor Dr. Suriyani binti Muhamad

Dekan

Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial
Universiti Malaysia Terengganu

KALENDAR AKADEMIK (SARJANA MUDA)

SEMESTER 1: SESI 2024/2025



TARIKH/MINGGU	AKTIVITI	CUTI UMUM
1 – 5/10/2024	PENDAFTARAN PELAJAR BAHRU DAN MINGGU JALINAN MESRA	
MINGGU 1-4 6/10/2024 – 2/11/2024	KULIAH - Pendaftaran Kursus (Tambah & Gugur) - Permohonan Pindah Kredit Pelajar Tahun 1 - Permohonan Tangguh Pengajian	Hari Deepavali 31/10/2024 (Khamis)
MINGGU 5-7 3 – 23/11/2024	KULIAH - Pendaftaran Kursus (Gugur)	
24 – 30/11/2024	CUTI PERTENGAHAN SEMESTER	
MINGGU 8 1 – 7/12/2024	KULIAH - Pendaftaran Kursus (Gugur)	
MINGGU 9 8 – 14/12/2024	KULIAH - Semakan dan Pengesahan Kursus	
MINGGU 10-13 15/12/2024 – 11/1/2025	KULIAH	Hari Krismas 25/12/2024 (Rabu)
MINGGU 14 12 – 18/1/2025	KULIAH - Cetakan Slip Peperiksaan - Penilaian Pengajaran (e-SPP/TEP) Secara Dalam Talian	
19/1/2025 – 1/2/2025	MINGGU ULANG KAJI	Israj Mikraj 27/1/2025 (Isnin) Tahun Baru Cina 29 & 30/1/2025 (Rabu & Khamis)
MINGGU 15-16 2/2/2025 – 15/2/2025	PEPERIKSAAN AKHIR - Penilaian Pengajaran (e-SPP/TEP) Secara Dalam Talian	
16/2/2025 – 15/3/2025	CUTI ANTARA SEMESTER	Hari Ulang tahun Pertubuhan Kebawah DYMM Sultan Terengganu 4/3/2025 (Selasa)

PERINGATAN

- Pelajar boleh membuat semakan maklumat akademik melalui portal MyNemo di alamat <https://mynemo.umt.edu.my>
- Pelajar perlu membuat pengesahan kursus yang didaftarkan selewat-lewat nya pada minggu ke-9 pada semester semasa.
- Bagi pelajar tahun akhir, semakan layak bergraduat perlu dibuat dalam Modul Layak Bergraduat di dalam portal MyNemo (Menu Akademik).
- Pelajar dimohon merujuk kepada Peraturan Akademik UMT Edisi terkini berkaitan Peraturan Pendaftaran di dalam portal MyNemo (Menu Akademik).
- Layari facebook rasmi Pusat Pembangunan & Pengurusan Akademik (PPPA), UMT di <https://www.facebook.com/AkademikUMT/> untuk makluman terbaru dan terkini.

Nota : Maklumat di atas tertakluk kepada pindaan daripada semasa ke semasa.

KALENDAR AKADEMIK (SARJANA MUDA)

SEMESTER II: SESI 2024/2025



TARIKH/MINGGU	AKTIVITI	CUTI UMUM
MINGGU 1-3 16/3/2025 – 5/4/2025	KULIAH <ul style="list-style-type: none"> - Pendaftaran Kursus (Tambah & Gugur) - Permohonan Pindah Kredit Pelajar Tahun 1 - Permohonan Tangguh Pengajian *(Kuliah pdp secara hibrid dari Minggu 1 – Minggu 3) 	Nuzul Al-Quran 17/3/2025 (Isnin) Hari Raya Aidilfitri 31/3/2025 – 1/4/2025 (Isnin-Selasa)
MINGGU 4 6 – 12/4/2025	KULIAH <ul style="list-style-type: none"> - Pendaftaran Kursus (Tambah & Gugur) - Permohonan Pindah Kredit Pelajar Tahun 1 - Permohonan Tangguh Pengajian *(Kuliah pdp secara bersemuka mulai minggu 4 dan seterusnya) 	
MINGGU 5-7 13/4/2025 – 3/5/2025	KULIAH <ul style="list-style-type: none"> - Pendaftaran Kursus (Gugur) 	Hari Keputeraan Sultan Terengganu 26/4/2025 (Sabtu) Hari Keputeraan Sultan Terengganu (Kelepasan Am Negeri Terengganu 27/4/2025 (Ahad) Hari Pekerja 1/5/2025 (Khamis)
4 – 10/5/2025	CUTI PERTENGAHAN SEMESTER	
MINGGU 8 11 – 17/5/2025	KULIAH <ul style="list-style-type: none"> - Pendaftaran Kursus (Gugur) 	Hari Wesak 12/5/2025 (Isnin)
MINGGU 9 18 – 24/5/2025	KULIAH <ul style="list-style-type: none"> - Semakan dan Pengesahan Kursus 	
MINGGU 10-13 25/5/2025 – 21/6/2025	KULIAH	Hari Keputeraan YDP Agong 3/6/2025 (Selasa) Hari Arafah & Hari Raya Aidiladha 5 – 8/6/2025 (Khamis – Ahad)
MINGGU 14 22 – 28/6/2025	KULIAH <ul style="list-style-type: none"> - Cetakan Slip Peperiksaan - Penilaian Pengajaran (e-SPP/TEP) Secara Dalam Talian 	Awal Muharram 27/6/2025 (Jumaat)
29/6/2025 – 5/7/2025	MINGGU ULANG KAJI	
MINGGU 15-17 6 – 26/7/2025	PEPERIKSAAN AKHIR <ul style="list-style-type: none"> - Penilaian Pengajaran (e-SPP/TEP) Secara Dalam Talian 	

PERINGATAN

- Pelajar boleh membuat semakan maklumat akademik melalui portal MyNemo di alamat <https://mynemo.umt.edu.my>
- Pelajar perlu membuat pengesahan kursus yang didaftarkan selewat-lewat nya pada minggu ke-9 pada semester semasa.
- Bagi pelajar tahun akhir, semakan layak bergraduat perlu dibuat dalam Modul Layak Bergraduat di dalam portal MyNemo (Menu Akademik).
- Pelajar dimohon merujuk kepada Peraturan Akademik UMT Edisi terkini berkaitan Peraturan Pendaftaran di dalam portal MyNemo (Menu Akademik).
- Layari [facebook](https://www.facebook.com/AkademikUMT/) rasmi Pusat Pembangunan & Pengurusan Akademik (PPPA), UMT di <https://www.facebook.com/AkademikUMT/> untuk makluman terbaharu dan terkini.

Nota : Maklumat di atas tertakluk kepada pindaan daripada semasa ke semasa.

KALENDAR AKADEMIK (SARJANA MUDA)

SEMESTER PENDEK: SESI 2024/2025



TARIKH/MINGGU	AKTIVITI	CUTI UMUM
MINGGU 1-2 27/7/2025 – 9/8/2025	KULIAH - Pendaftaran Kursus (Tambah & Gugur) - Permohonan Tangguh Pengajian	
MINGGU 3-4 10 – 23/8/2025	KULIAH - Pendaftaran Kursus (Gugur)	
MINGGU 5 24 – 30/8/2025	KULIAH - Semakan dan Pengesahan Kursus	
MINGGU 6-7 31/8/2025 – 13/9/2025	KULIAH	Hari Kebangsaan 31/8/2025 (Ahad) Maulidur Rasul 5/9/2025 (Jumaat)
MINGGU 8 14 – 20/9/2025	KULIAH - Cetakan Slip Peperiksaan - Penilaian Pengajaran (e-SPP/TEP) Secara Dalam Talian	Hari Malaysia 16/9/2025 (Selasa)
MINGGU 9 21 – 27/9/2025	PEPERIKSAAN AKHIR - Penilaian Pengajaran (e-SPP/TEP) Secara Dalam Talian	

PERINGATAN

- Pelajar boleh membuat semakan maklumat akademik melalui portal MyNemo di alamat <https://mynemo.umt.edu.my>
- Pelajar perlu membuat pengesahan kursus yang didaftarkan selewat-lewat nya pada minggu ke-5 pada semester semasa.
- Bagi pelajar tahun akhir, semakan layak bergraduat perlu dibuat dalam Modul Layak Bergraduat di dalam portal MyNemo (Menu Akademik).
- Pelajar dimohon merujuk kepada Peraturan Akademik UMT Edisi terkini berkaitan Peraturan Pendaftaran di dalam portal MyNemo (Menu Akademik).
- Layari *facebook* rasmi Pusat Pembangunan & Pengurusan Akademik (PPPA), UMT di <https://www.facebook.com/AkademikUMT/> untuk makluman terbaru dan terkini.

Nota : Maklumat di atas tertakluk kepada pindaan daripada semasa ke semasa.

Pusat Pembangunan & Pengurusan Akademik, UMT

VISI, MISI, FUNGSI & OBJEKTIF UNIVERSITI



FUNGSI

- Mendokong misi universiti untuk menjadi pusat pembelajaran dan penyelidikan yang ulung dalam menyumbang kepada kemajuan manusia dan penerokaan ilmu dan juga kepada pembentukan kekayaan serta pembangunan negara.
- Menyediakan tenaga kerja terlatih yang mempunyai kemahiran profesional yang tinggi dan diperkuuhkan dengan disiplin diri serta membentuk ciri-ciri murni dan etika kerja yang positif.
- Melahirkan graduan yang peka kepada idea dalam pengurusan dan responsif kepada perubahan semasa serta menjadi 'role-model' kepada pelajar dan masyarakat.
- Memberi khidmat melalui penyebaran idea dan amalan baru serta mencari penyelesaian terhadap masalah semasa dalam masyarakat.
- Menjalin hubungan antara universiti, institusi-institusi lain dan industri demi kepentingan bersama dan pembangunan negara.
- Menyokong misi universiti untuk menjadi sebuah pusat penyelidikan dan pembelajaran yang teratur di samping menyediakan perkhidmatan yang baik dan penerokaan dalam pelbagai teknologi yang baru.

OBJEKTIF

- Menerokai ilmu dalam semua bidang yang berkaitan dengan Sains, Teknologi dan Pengurusan Sumber Alam melalui penyelidikan.
- Menyediakan kemudahan terkini (makmal, perpustakaan, pengkomputeran dan persekitaran) sebagai menyokong pembangunan ilmu, pembelajaran dan kesarjanaan.
- Menawarkan program pengajian yang cemerlang untuk memenuhi keperluan semasa dan masa hadapan.
- Menghasilkan graduan yang bertanggungjawab, berilmu, berkeyakinan dan berketrampilan.
- Memainkan peranan aktif dalam pembangunan sosial, ekonomi dan pendidikan melalui perkhidmatan pengembangan kepada masyarakat setempat dan kawasan Pantai Timur Semenanjung dan Malaysia, amnya.

LATAR BELAKANG UMT



Universiti Malaysia Terengganu (UMT) telah bermula dengan sebuah Pusat Perikanan dan Sains Samudera pada tahun 1979, yang menyediakan kemudahan latihan pelajar Program Perikanan dan Sains Samudera di samping menyediakan kemudahan penyelidikan untuk pensyarah. Melalui penstrukturkan semula program akademik di UPM, keseluruhan Fakulti Perikanan dan Sains Samudera telah dipindahkan ke Terengganu dan diberi nama baru iaitu Fakulti Sains Gunaan dan Teknologi (FSGT) mulai Jun 1996. Turut ditubuhkan ialah Fakulti Sains dan Sastera Ilkhtisas (FSSI) dan Pusat Pengajian Matrikulasi (PPM).

Mulai Jun 1996, kampus ini telah diiktiraf (secara dalaman UPM) sebagai sebuah pusat tanggungjawab dan dinamakan Universiti Pertanian Malaysia Cawangan Terengganu (UPMT) dan diketuai oleh seorang Rektor (designate). Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 5 Mei 1999 telah bersetuju meluluskan cadangan penubuhan Kolej Universiti Terengganu (KUT) berdasarkan Pusat Perikanan dan Sains Samudera Universiti Pertanian Malaysia di Mengabang Telipot, Kuala Terengganu.

Perintah Kolej Universiti Terengganu (Perbadanan) 1999 (PUA 292) telah diluluskan oleh Dewan Rakyat pada 26 Julai 1999. KUT adalah Kampus bersekutu UPM dan pelajar akan dikurniakan ijazah dari UPM. KUT telah diberi kuasa autonomi sebagai Kolej Universiti Terengganu pada 1 Mei 2001. Pada 1 Julai 2001 KUT dengan rasminya telah bertukar nama sebagai Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia dengan singkatan KUSTEM.

Bermula pada 1 Februari 2007 bersamaan 13 Muharam 1428 H, tercipta satu lagi sejarah dalam sistem pendidikan di Malaysia. Dalam usaha mengukuhkan kedudukan IPTA Negara, enam buah Kolej Universiti telah melalui penjenamaan semula kolej-kolej universiti. Kini KUSTEM di kenali sebagai Universiti Malaysia Terengganu.

FAKULTI PERNIAGAAN, EKONOMI DAN PEMBANGUNAN SOSIAL

PRA-SISWAZAH

Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial (FPEPS) ditubuhkan secara rasmi pada 1 Ogos 2019 selepas penjajaran baharu Universiti Malaysia Terengganu (UMT). Sebelum itu, fakulti telah melalui beberapa siri penstrukturkan sejak penubuhan asal pada 2001. Penubuhan fakulti ini adalah bertujuan untuk memberi latihan akademik di dalam melahirkan lebih ramai tenaga profesional dalam bidang ekonomi, pengurusan, pemasaran, perakaunan, kewangan, pelancongan, psikologi dan kaunseling serta polisi awam demi memenuhi keperluan negara. Buat masa ini, FPEPS menawarkan 7 program pengajian pra siswazah seperti mana berikut :

PROGRAM	TEMPOH
Sarjana Muda Kaunseling dengan Kepujian	4 tahun
Sarjana Muda Pengurusan (Pemasaran) dengan Kepujian	3.5 tahun
Sarjana Muda Ekonomi (Sumber Alam) dengan Kepujian	3.5 tahun
Sarjana Muda Perakaunan dengan Kepujian	3.5 tahun
Sarjana Muda Pengurusan (Pengajian Polisi) dengan Kepujian	3.5 tahun
Sarjana Muda Pengurusan Pelancongan dengan Kepujian	3 tahun
Sarjana Muda Kewangan dengan Kepujian	3 tahun

PASCA SISWAZAH STRUKTUR PENYELIDIKAN

FPEPS juga menawarkan program pengajian Sarjana Sains (M.Sc) dan Doktor Falsafah (Ph.D) di bawah struktur A iaitu secara penyelidikan menerusi bidang-bidang seperti Ekonomi, Pengajian Sosial, Kaunseling, Psikologi, Pemasaran, Pengurusan, Perakaunan, Kewangan dan Pelancongan.

STRUKTUR KERJA KURSUS

Selain itu, FPEPS turut menawarkan program Sarjana secara kerja kursus (Struktur C) seperti mana berikut :

- Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA)
- Sarjana Pengurusan (Zon Pantai Bersepadu) (ICZM)
- Sarjana Kaunseling
- Sarjana Ekonomi



Maklumat Am

SISTEM PENGAJIAN DI UMT

UMT mengamalkan sistem semester. Terdapat dua semester untuk setiap sesi tahun pengajian dan tempoh untuk setiap semester ialah 18 minggu, lazimnya mengikut pecahan berikut:

Kuliah	7 minggu
Cuti Pertengahan Semester	1 minggu
Kuliah	7 minggu
Peperiksaan akhir	3 minggu

STRUKTUR KURIKULUM PROGRAM

Struktur kurikulum untuk program sarjana muda dibentuk berdasarkan falsafah dan matlamat UMT iaitu bagi mengeluarkan graduan-graduan yang berpengetahuan, berwibawa dengan mempunyai pelbagai kemahiran, termasuk keusahawanan dan kepimpinan. Terdapat tiga komponen kursus dalam kurikulum program iaitu Teras Universiti, Teras Program dan Elektif.




SISTEM PENGGREDAN, GRED DAN MATA NILAIAN GRED

Markah	Gred Abjad	Nilai Mata Gred	Keterangan Gred
80-100	A	4.00	Cemerlang
75-79	A-	3.75	
70-74	B+	3.50	
65-69	B	3.00	Baik
60-64	B-	2.75	
55-59	C+	2.50	Memuaskan
50-54	C	2.00	
45-49	C-	1.75	
40-44	D	1.00	Lemah
39 atau kurang	F	0.00	Gagal


Skema Penggredan, Gred Abjad, Mata Nilaian Gred dan Keterangan Gred adalah seperti jadual berikut:

PNGK	Klasifikasi Ijazah	
	Dalam Bahasa Melayu	Dalam Bahasa Inggeris
3.67-4.00	Cemerlang	Distinction
2.00-3.66	Kepujian	Honours

Kemudahan Makmal



Makmal Komputer



Makmal Kaunseling

Tugas dan Peranan Mentor

Mentor adalah sebagai asas dalam Bimbingan Siswa dan berperanan dalam membentuk kumpulan pelajar UMT yang dinamik, cergas, berketerampilan serta mempunyai sahsiah peribadi yang tinggi dan mempunyai bakat kepimpinan. Tugas-tugas mentor adalah :

- **Sebagai Pembimbing Siswa Kepada Pelajar**

Mentor adalah sebagai "Pembimbing Siswa" kepada siswa/siswi yang berada di bawah bimbingan mereka. Ini bermakna mentor adalah sebagai seorang rakan, kakak/abang, penasihat dan "role model" untuk siswa/siswi. Kecemerlangan pelajar di sepanjang pengajian di UMT adalah berhubung kait dengan nasihat yang diberi oleh pembimbing.

- **Mengadakan Perjumpaan Dengan Pelajar**

Mentor diminta mengadakan perjumpaan berkumpulan sekurang-kurangnya sekali dalam satu semester untuk kumpulan pelajar di bawah bimbingannya. Perjumpaan secara individu dengan pelajar perlu diadakan sekurang-kurangnya sekali sebulan untuk membolehkan pembimbing bertanya mengenai kemajuan dan perihal pelajar.

- **Memberi Motivasi Kepada Pelajar**

Mentor digalakkan memberi dorongan dan motivasi kepada siswa/siswi bukan sahaja mengenai akademik tetapi juga dalam pembentukan sahsiah pelajar. Pelajar perlu sentiasa didorong untuk memberikan prestasi yang terbaik dan mendapat keputusan yang cemerlang.

- **Memberi Nasihat Teknik Pembelajaran**

Mentor digalakkan memberikan panduan mengenai isu-isu pembelajaran yang berkaitan seperti teknik terbaik untuk mengulangkaji, pengurusan masa dan segala yang berkaitan dengan pembelajaran.

- **Menyediakan Suasana Perjumpaan Kondusif**

Untuk menggalakkan pelajar berjumpa dengan Mentor, satu suasana kondusif perlu diwujudkan. Mentor sepatutnya mengkhususkan waktunya pejabat sekurang-kurangnya dua jam seminggu untuk perjumpaan dengan pelajar di bawah sistem ini. Pembimbing juga hendaklah sentiasa Menunjukkan kesediaan dalam membantu pelajar menyelesaikan masalah sama ada peribadi atau akademik. Komunikasi dengan pelajar perlu mengambil kira aspek-aspek keinsanan untuk membolehkan pelajar lebih selesa berjumpa dengan Mentor.

- **Membuat Perhubungan Rasmi dan Tidak Rasmi**

Mentor digalakkan mengadakan hubungan secara rasmi atau tidak rasmi dengan bapa atau penjaga siswa/siswi di bawah bimbingannya (misalnya dengan menulis surat atau sekadar menelefon keluarga pelajar). Keadaan ini sudah pasti akan mewujudkan suasana kekeluargaan di antara pembimbing dan pelajar.

- **Melibatkan Pelajar Dalam Aktiviti Fakulti**

Mentor sepatutnya cuba melibatkan pelajar di bawah bimbingan masing-masing dalam aktiviti- aktiviti Unit, Jabatan, Pusat Pengajian atau Universiti (misalnya jika mentor dilantik menjadi pengurus sesuatu jawatankuasa kecil, cuba libatkan mereka jika ianya berkaitan). Secara tidak langsung ini akan membantu pelajar bagi mendapat pengalaman berguna yang tidak dapat diperolehi dari bilik kuliah.

- **Membantu Pelajar Memahami Sistem Akademik**

Mentor hendaklah membantu pelajar memahami sistem akademik di UMT seperti kurikulum pengajian, sistem semester, sistem pendaftaran, sistem peperiksaan dan pengecualian kursus.

- **Membantu Pelajar Dalam Perancangan Skema Pengajian**

Mentor hendaklah membantu pelajar dalam merancang skema pengajian mereka. Ini adalah mustahak terutama untuk pelajar yang mendapat pengecualian kredit yang banyak. Perancangan skema pengajian ini dapat membantu pelajar dalam menentukan agihan kredit paling optima setiap semester.

- **Merujuk Kepada Pakar**

Mentor harus dapat mengenalpasti masalah pelajar dan sekiranya perlu, pelajar dirujuk kepada pihak tertentu yang mempunyai kapakaran untuk menyelesaikan masalah tersebut.

Peraturan Pakaian dan Penampilan Pelajar Universiti Malaysia Terengganu

PERATURAN AM

- Setiap pelajar dikehendaki memamerkan kad matrik sepanjang berada di dalam kampus.
- Setiap pelajar dilarang memakai pakaian atau aksesori yang melambangkan pertubuhan atau kumpulan tertentu yang boleh menimbulkan ketidakharmonian di dalam kampus.
- Setiap pelajar dilarang memamerkan dalam apa-apa bentuk, unsur-unsur yang bertentangan dengan moral dan tatasusila atau mengandungi reka bentuk perkataan atau frasa yang tidak selari dengan nilai atau norma yang mulia.
- Setiap pelajar adalah tertakluk kepada syarat-syarat pakaian yang ditetapkan di bawah peraturan makmal atau di mana-mana tempat di dalam kampus yang mempunyai peraturannya yang tersendiri.



Contoh Penampilan Kad Matrik Pelajar

RAMBUT

- Pelajar hendaklah sentiasa berambut kemas dan rapi.
- Pelajar lelaki tidak dibenarkan menyimpan rambut panjang dan berekor di hadapan atau di belakang. rambut hendaklah tidak mencecah kolar baju.
- Berfesyen rambut keterlaluan bagi lelaki dan perempuan adalah dilarang.
- Mewarnakan rambut adalah dilarang sama sekali



Contoh Penampilan Rambut Pelajar

Polisi Universiti Malaysia Terengganu

PAKAIAN SEMASA BERADA DI DALAM KAMPUS DAN SEMASA MENGHADIRI ACARA RASMI



Contoh Penampilan Pakaian Pelajar

- Setiap pelajar hendaklah berpakaian yang bersesuaian sebagai seorang pelajar Universiti dengan menunjukkan kekemasan, kerapian dan kesopanan.
 - Pelajar diwajibkan berpakaian sopan (baju kemeja, T-berkollar, berkasut, berseluar panjang, berskirt panjang di bawah paras lulut), ketika berada di bangunan kuliah / makmal / perpustakaan / pejabat atau kafetaria dan di luar bilik kediaman.
 - Pelajar tidak dibenarkan memakai pakaian yang ketat atau jarang, mendedahkan tubuh badan (mana-mana anggota dari dada hingga ke lutut) dan berpakaian menjolok mata. Pelajar adalah dilarang berpakaian sepertimana di bawah ketika menghadiri kuliah atau apa-apa acara rasmi:-
- ✓ Berskirt di atas paras lutut ✓ Berbaju tanpa lengan ✓ Berseluar / berskirt ketat
✓ Berbaju T tanpa kollar ✓ Berseluar jeans ✓ Berselipar
lengan

(Senarai di atas adalah tidak muktamad dan tertakluk kepada peraturan semasa Universiti)

- Berdasarkan faktor keselamatan, pemakaian purdah atau penutup muka semasa peperiksaan/penilaian akademik dijalankan atau dalam acara rasmi adalah dilarang.
- Semasa menghadiri apa-apa acara rasmi, pelajar lelaki diwajibkan berpakaian formal dengan berkemeja lengan panjang, bertali leher, berseluar panjang dan berkasut rasmi. Pelajar perempuan diwajibkan berbaju kurung atau memakai pakaian sopan dengan memakai baju melepas paras punggung, memakai skirt labuh di bawah paras lutut atau berseluar panjang yang longgar dan berkasut rasmi.
- Pelajar juga perlu mematuhi tatacara berpakaian yang ditetapkan oleh Universiti dan penganjur dari masa ke semasa berdasarkan acara yang dijalankan.
- Semasa membuat urusan rasmi di mana-mana pejabat Universiti atau berada di dewan kuliah, pelajar juga tidak dibenarkan memakai topi atau bandana.
- Pelajar dilarang mempamerkan 'Tatoo' di mana-mana anggota tubuh badan. Bertindik bagi lelaki adalah dilarang sama sekali dan bertindik yang keterlaluan adalah juga dilarang bagi pelajar perempuan. Pelajar lelaki juga tidak dibenarkan memakai gelang tangan atau berpakaian menyerupai perempuan.

BARISAN PENGURUSAN FAKULTI

Pengurusan Fakulti



Dekan
Profesor Dr. Suriyani
Muhamad



Timbalan Dekan
(Akademik & HEP)
Profesor Madya Dr.
Azwadi Ali




Timbalan Dekan (Siswazah)
Profesor Madya Dr. Nik
Hazimah Nik Mat



Timbalan Dekan
(Bakat & Penyelidikan)
Profesor Madya Dr. Nazli Aziz



Penolong Pendaftar Kanan
Cik Wan Zawati Wan Jaafar



Penolong Pendaftar
Nur Nadia Amira Noley

KETUA PROGRAM PENGAJIAN



SARJANA MUDA KAUNSELING
DENGAN KEPUJIAN
DR. KAMARUL MD SHAH



SARJANA MUDA PERAKAUNAN
DENGAN KEPUJIAN
DR. WAN ZURIATI WAN ZAKARIA



SARJANA MUDA KEWANGAN DENGAN
KEPUJIAN
DR. AHMAD SHAUQI HJ MOHAMAD ZUBIR



SARJANA MUDA PENGURUSAN
(PEMASARAN) DENGAN KEPUJIAN
PROFESOR MADYA DR. SITI
FALINDAH PADLEE



SARJANA MUDA EKONOMI (SUMBER
ALAM) DENGAN KEPUJIAN
DR. MUHAMMAD NAJIT SUKEMI



SARJANA MUDA PENGURUSAN (PENGAJIAN
POLISI) DENGAN KEPUJIAN
PROFESOR MADYA DR. ROSYIDAH MUHAMAD



SM PENGURUSAN PELANCONGAN
DENGAN KEPUJIAN
DR. YUSNITA YUSOF

PRA-SISWAZAH



DR. NOOR FADHIHA MOKHTAR
SARJANA PENTADBIRAN
PERNIAGAAN



DR. SITI SALINA ABDULLAH
SARJANA KAUNSELING

PASCA- SISWAZAH



DR. ALEFF OMAR SHAH
SARJANA PENGURUSAN (ZON
PANTAI BERSEPADU)



DR. MOHD NASIR NAWAWI
SARJANA EKONOMI

SENARAI PENSYARAH



Profesor Madya Dr. Rosyidah Muhamad
PhD (La Trobe), M.A. Pengajian Antarabangsa (Leeds), B.A.
Sains Politik (UIAM)
Bidang Kepakaran: Sains Politik , Polisi Awam
Ketua Program / Profesor Madya
09-6684202 / 3479
rosyidah@umt.edu.my



Profesor Madya Dr. Nazli Aziz
PhD (UoA), M.A. (Leiden), M.A.(UM), B.A. (Hons) (UM)
Dip. Lanjutan (Leiden)
Bidang Kepakaran: Sains Politik, Polisi Awam
Timb. Dekan (Bakat & Penyelidikan) / Profesor Madya
09-6683812
nazl_aziz@umt.edu.my



Dr. Abdul Rahman Abd. Latip
PhD (Policy and Planning) (USM), M.Sc (Public Services Policy and Management) KLC, Bc. of Administrative Science (Hons) (UiTM)
Bidang Kepakaran: Pengajian Polisi
Penyelaras Pusat Tadbir Urus Lautan, INOS/Pensyarah Kanan | 09-6683306 | rahmanlatip@umt.edu.my



Profesor Madya Dr. Nor Hayati Sa'at
PhD Sosiologi Pembangunan (UUM)
M. Phil. Sosiologi (UKM)
B.A. (Hons.) Sains Sosial (UKM)
Bidang Kepakaran: Sosiologi Pembangunan
Profesor Madya
09-6683267 / norhayati@umt.edu.my



Profesor Madya Dr. Mohd Yusri Ibrahim
PhD (UMT), Sarjana (UPM), Sarjana Muda (USM)
Bidang Kepakaran: Komunikasi Politik, Komunikasi Organisasi & Kepimpinan
Professor Madya
09-6683483
yusri@umt.edu.my

SENARAI PENSYARAH



Profesor Madya Dr. Roslina Ismail
PhD Politik dan Hubungan Antarabangsa (Keele)
M.A. Sains Politik (UKM), B.A. Sains Politik (UKM)
Bidang Kepakaran: Politik dan Hubungan Antarabangsa
Profesor Madya
09-6884860 | roslina@umt.edu.my



Dr. Siti Aisyah Saat
PhD Kelestarian dan Polisi Alam Sekitar (Strathclyde), M.
Pengurusan Persekitaran (UKM), B. (Hons) Geografi (UKM)
Bidang Kepakaran: Pengurusan Persekitaran
Portfolio: Penyelaras PITA / Pensyarah Kanan
09-6683564 | s.aisyah@umt.edu.my



Dr. Zikri Muhammad
PhD Urban Geography (UKM), M.A. Regional and Industrial
Planning (USM), Bac. Business Admin (UPM)
Bidang Kepakaran: Geografi dan Pengurusan Persekitaran
Jawatankuasa Promosi Universiti / Pensyarah Kanan
09-6683181 | zikri@umt.edu.my



Dr. Rahaya Md. Jamin
PhD Pengurusan dan Perancangan Bandar (USM), M.
Pengurusan Persekitaran (UKM), B.A. (Hons) Geografi (UM)
Bidang Kepakaran: Pengurusan & Perancangan Bandar,
Pengurusan Persekitaran
Penyelaras Data / Pensyarah Kanan
09-6683275 | rahaya.jamin@umt.edu.my



Ts. Dr. Latifah Abdul Ghani
PhD Environmental Technology and Management (UMT),
M.A. Environmental Management (UM), Bac. Environmental
Science (UMS)
Bidang Kepakaran: Teknologi dan Pengurusan Persekitaran
Penyelaras Promosi / Pensyarah Kanan
09-6684954 | latifah.ghani@umt.edu.my

SENARAI PENSYARAH



Dr. Rohana Ahmad

PhD (Public Management and Policy) (UUM), Master (Public Management) (UUM), Bac. (Public Management) (UUM),
Bidang Kepakaran: Pengurusan Awam dan Sains Politik

Pensyarah Kanan

09-6683750 | rohana.a@umt.edu.my



Dr. Yulita

PhD (Work Psychology) (UM), B.A (Anthropology and Sociology) (UM)

Bidang Kepakaran: Psikologi Kerja, Antropologi dan Sosiologi
Penyelaras Siswazah / Pensyarah Kanan

09-6685011 | yulita@umt.edu.my



Dr. Norfatiha Othman

PhD (Pembangunan dan Perubahan Sosial) (UKM)
M.Sc (Pengajian Sosial) (UMT), B. Hons (Polisi dan Sekitaran Sosial) (UMT)

Bidang Kepakaran: Pembangunan dan Perubahan Sosial
Portfolio: Penasihat Kelab POSESO / Pensyarah Kanan

09-6683484 | norfatiha.othman@umt.edu.my



Dr. Siti Hajar Kamaruddin

PhD (Pembangunan Manusia) (UKM), M.Sc (Pengajian Belia) (UPM), Bac. (Pembangunan Manusia) (UKM)

Bidang Kepakaran: Pembangunan Manusia / Pengajian Belia
Portfolio: Penyelaras Latihan Industri/Pensyarah Kanan

09-6685046 | s.hajar@umt.edu.my

SENARAI PENSYARAH



Dr. Mohd Shazwan Mohd Arifin
PhD Analisa Kewangan dan Pengajian Polisi (UUM), M.A
Sains Pentadbiran (UiTM), Bac. (Hons) Pentadbiran
Korporat (UiTM)
Bidang Kepakaran: Pengajian Polisi
Pensyarah Kanan
0966684309 | m.shazwan@umt.edu.my



Puan Rozita Muhamad Nawi
M. Pengurusan Persekitaran (UKM)
B.A. Geografi (UM)
Bidang Kepakaran: Pengurusan Persekitaran
Penyelaras Kualiti/Pensyarah Kanan
09-6683202 | rozitamn@umt.edu.my



Dr. Siti Munirah Mauzud
PhD (Durham), M.A Regional Integration (UM), B.A.Sc.I.S
(Hons) (UM)
Bidang Kepakaran: Pembangunan Komuniti
Penyelaras ALUMNI/Pensyarah Kanan
09-6683166 | s.munirah@umt.edu.my

PROGRAM SARJANA MUDA PENGURUSAN (PENGAJIAN POLISI) DENGAN KEPUJIAN

Program Sarjana Muda Pengurusan (Pengajian Polisi) dengan Kepujian menawarkan suatu peluang pengajian yang unik yang mana mempunyai kepelbagaian disiplin seperti polisi dan pentadbiran awam, sains politik, sosiologi, pembangunan komuniti, ekonomi dan pengurusan persekitaran. Ia menyokong pendekatan multidisiplin dalam pengajaran dan pembelajaran untuk membentuk pelajar bagi menggubal dan menganalisis polisi. Pelajar perlu mempunyai pelbagai pengetahuan dalam pelbagai bidang sebagai asas untuk memahami masalah masyarakat dan bagaimana kerajaan dan rakyat menanganinya. Dengan itu, ia dapat memupuk pemikiran kritis, penyelesaian masalah secara kreatif dan penyelidikan dalam kalangan pelajar. Justeru itu, pelajar boleh menggunakan situasi penyelesaian masalah dengan lebih kreatif dan berkualiti dalam dunia sebenar demi mencari jawapan kepada pembelajaran mereka. Ini merupakan antara beberapa kelebihan yang ditawarkan oleh program ini yang perlu diperkuatkan untuk mencapai suatu keadaan pembangunan sosial yang lebih baik di peringkat tempatan dan antarabangsa.

Pelajar-pelajar yang mengikuti program ini turut disediakan dengan panduan teori dan praktikal bagi menyertai kerjaya yang baik dalam sektor awam, swasta dan komuniti. Mereka merupakan *social entrepreneurs*, penganalisis polisi, penasihat kepada kerajaan dan juga sebagai penjawat awam seperti pegawai tadbir dan diplomatik, ahli akademik, pegawai perhubungan awam dan juga pendidik. Mereka merupakan graduan yang akan menumpukan kepada cabaran-cabarank global yang kita hadapi kini. Mereka boleh menggunakan pelbagai kemahiran yang mereka ada seperti analisis kuantitatif dan kualitatif, ekonomi, pentadbiran dan pengurusan untuk di aplikasikan dalam menyelesaikan masalah sosial masakini.

Objektif Program

1. Menjadi program yang unggul dalam kesarjanaan dan kepemimpinan akademik dalam bidang pembangunan sosial dan ekonomi dengan penekanan kepada nilai modal insan dan kelestarian sumber alam di peringkat nasional dan antarabangsa.
2. Menjana dan memartabatkan gabungan ilmu berteraskan hubungan timbal balik manusia dan alam sekitar menerusi pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan, penerbitan, perundingan dan khidmat masyarakat dalam konteks pembangunan insan untuk mencapai visi universiti.
3. Melahirkan graduan yang terlatih dalam bidang ilmu pengajian sains sosial dan kemanusiaan yang mempunyai daya saing dan berwawasan dalam tindakan.
4. Menyediakan tenaga kerja profesional yang prihatin terhadap polisi dan pengurusan alam sekitar bagi pembangunan negara yang mapan.

Jumlah Kredit Untuk Bergraduat

Jumlah minimum kredit untuk bergraduat ialah 123 jam kredit. Agihan jam kredit mengikut kategori kursus adalah seperti berikut:

Kategori	Kredit	Peratus
Teras Universiti	20	16
Teras Program	70	57
Elektif	33	27
Jumlah	123	100

Kurikulum Program

Kod	Teras Universiti	Kredit	Prasyarat
MPU3142	Falsafah dan Isu Semasa	2	-
MPU3132	Penghayatan Etika dan Peradaban	2	-
MPU3352	Integriti dan Anti Rasuah	2	-
MPU3223	Asas Keusahawanan	3	-
COM3112	Seni Komunikasi	2	-
CCM3011	Santuni Komuniti	1	
BBB3013	Academic Writing Skills	3	MUET Band 3 dan ke atas
BBB3033	English for Occupational Purposes	3	-
CCXXXXX	Ko kurikulum	2	-

Kod	Teras Program	Kredit	Prasyarat
POL3113	Pengantar dan Falsafah Sains Sosial	3	-
POL3123	Pengenalan Pengurusan Dasar Awam	3	-
POL3133	Pengantar Sains Politik	3	-
POL3213	Pengenalan Pengurusan Komuniti	3	-
POL3223	Teori Pentadbiran Awam	3	-
POL3233	Pembentukan Dasar Awam	3	-
POL3313	Etika Pengurusan Awam	3	-
POL3323	Kaedah Penyelidikan Sains Sosial	3	-
ECO3013	Pengenalan kepada Mikroekonomi	3	-
POL3413	Pengurusan Modal Insan	3	-
POL3423	Komperatif Dasar Awam	3	-
ECO3023	Pengenalan kepada Makroekonomi	3	-
POL3414	Statistik dan Analisis Data	4	-
ECO4373	Perancangan dan Pembangunan Ekonomi Malaysia	3	-
POL4513	Hubungan Antarabangsa	3	-
POL4524	Analisis Polisi Awam	4	-
POL4613	Penilaian dan Pemantauan Program	3	-
POL4623	Komuniti dan Sistem Governan ASEAN	3	-

POL4633-E	Polisi dan Pengurusan Persekutuan di Malaysia	3	-
POL4643	Ekonomi Politik	3	-
POL4978	Latihan Industri	8	-

Kursus Elektif Program

Pelajar perlu mengambil 10 kursus elektif program (29 jam kredit) yang ditawarkan oleh Program Pengajian Polisi.

Kod	Elektif Program	Kredit	Prasyarat
POL3013	Pengantar Antropologi dan Sosiologi	3	-
POL3023	Pembangunan Manusia dan Polisi Sosial	3	-
POL3063	Sosiologi Industri	3	-
POL4043	Perubahan Sosial dan Pembangunan	3	-
POL4023	Demografi dan Dinamik Populasi	3	-
POL3033	Perancangan dan Pembangunan Lestari	3	-
POL4033	Penilaian Impak Sosial	3	-
POL4053	Polisi Kependudukan dan Demografi Malaysia	3	-
POL3053	Sosiologi Perbandaran	3	-
POL3042	Pengenalan Perancangan Strategik	2	
POL4013	Perlaksanaan Dasar Awam	3	

Kursus Elektif Projek Ilmiah Tahun Akhir

Pelajar perlu memilih kursus POL4983 (Projek Ilmiah Tahun Akhir [PITA] I) atau POL4993 (Projek Ilmiah Tahun Akhir [PITA] II) **ATAU** dua kursus elektif bebas yang ditawarkan oleh mana-mana fakulti atau pusat pengajian di UMT (6 jam kredit).

Kod	Elektif	Kredit	Prasyarat
POL4983	Projek Ilmiah Tahun Akhir I	3	-
POL4993	Projek Ilmiah Tahun Akhir II	3	-

Objektif pembelajaran program (Program Educational Objectives – PEO)

Program Sarjana Muda Pengurusan (Pengajian Polisi) akan menghasilkan graduan yang;

1. Berpengetahuan dan berupaya mengaplikasi kemahiran digital dan numerasi dalam polisi selaras dengan pengurusan dan profesional yang memenuhi keperluan industri.
2. Efektif berkomunikasi dan menonjolkan kualiti kepimpinan yang baik serta berupaya bekerja secara berpasukan dalam organisasi.
3. Berupaya membuat keputusan dan menyelesaikan isu polisi secara beretika dan lestari.
4. Berupaya menonjolkan kemahiran keusahawanan dan mengenal pasti keperluan pembelajaran sepanjang hayat untuk pengembangan kerjaya.

Hasil Pembelajaran Program

Pada akhir program ini, graduan akan dapat:

PLO1 – Pengetahuan

Berkebolehan menguasai **pengetahuan asas** dalam bidang polisi dan persekitaran sosial.

PLO2 – Kemahiran teknikal/praktikal/psikomotor

Berkebolehan mengaplikasi **kemahiran membuat keputusan dan menyelesaikan isu** dalam bidang polisi dan persekitaran sosial.

PLO3 – Kemahiran berfikir dan saintifik

Berupaya **mengaplikasi teori dan merancang** pembangunan polisi dan persekitaran sosial secara inovatif dan lestari.

PLO4 – Kemahiran komunikasi

Berupaya untuk **berkomunikasi** dengan efektif dan mampu membentang maklumat teknikal secara lisan dan bertulis.

PLO5 – Kemahiran sosial, kerja berkumpulan dan tanggungjawab

Berupaya bekerja secara **berpasukan** dan menonjolkan kebolehan menjadi seorang pemimpin.

PLO6 – Nilai, etika, moral dan profesionalisme

Berupaya mengamalkan **etika dan integriti** dalam pekerjaan.

PLO7 – Pembelajaran sepanjang hayat dan pengurusan maklumat

Mengenal pasti keperluan dan mengamalkan **pembelajaran sepanjang hayat** bagi pembangunan kerjaya.

PLO8 – Kemahiran pengurusan dan keusahawanan

Berupaya meningkatkan kemahiran **keusahawanan** dan **pembangunan profesional secara kendiri**.

PLO9 – Kemahiran kepimpinan

Berupaya **memimpin** dengan efektif.

PLO10 – Kemahiran Digital

Mempamerkan aplikasi **kemahiran digital** yang baik.

PLO11- Kemahiran Numerasi

Menggunakan **data kuantitatif dan kualitatif**.

BAHASA MODEN

Dalam usaha melahirkan mahasiswa yang holistik dan sesuai dengan keperluan pasaran kerja, Universiti Malaysia Terengganu menggalakkan pelajar-pelajar untuk menguasai kemahiran berkomunikasi dalam satu bahasa ketiga. Untuk tujuan tersebut, Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan (PPAL) menawarkan pakej kursus bahasa moden berikut sebagai kursus elektif:

Bil.	Kod Kursus	Nama Kursus	Kredit
1.	BBB3013	Bahasa Arab I (Arabic Language I)	3(3+0)
2.	BBB3023	Bahasa Arab II (Arabic Language II)	3(3+0)
3.	BBB3033	Bahasa Arab III (Arabic Language III)	3(3+0)
4.	BBJ3013	Bahasa Jepun I (Japanese Language I)	3(3+0)
5.	BBJ3023	Bahasa Jepun II (Japanese Language II)	3(3+0)
6.	BBJ3033	Bahasa Jepun III (Japanese Language III)	3(3+0)
7.	BBC3013	Bahasa Mandarin I (Mandarin Language I)	3(3+0)
8.	BBC3023	Bahasa Mandarin II (Mandarin Language II)	3(3+0)
9.	BBC3033	Bahasa Mandarin III (Mandarin Language III)	3(3+0)
10.	BBP3013	Bahasa Perancis I (French Language I)	3(3+0)
11.	BBP3023	Bahasa Perancis II (French Language II)	3(3+0)
12.	BBP3033	Bahasa Perancis III (French Language III)	3(3+0)
13.	BBS3013	Bahasa Sepanyol I (Spanish Language I)	3(3+0)
14.	BBS3023	Bahasa Sepanyol II (Spanish Language II)	3(3+0)
15.	BBS3033	Bahasa Sepanyol III (Spanish Language III)	3(3+0)
16.	BBK3013	Bahasa Korea I (Korean Language I)	3(3+0)
17.	BBK3023	Bahasa Korea II (Korean Language II)	3(3+0)
18.	BBK3033	Bahasa Korea III (Korean Language III)	3(3+0)
19.	BBJ3013	Bahasa Jerman I (German Language I)	3(3+0)
20.	BBJ3023	Bahasa Jerman II (German Language II)	3(3+0)
21.	BBJ3033	Bahasa Jerman III (German Language III)	3(3+0)

Skema Pelajar Tempatan

SEMESTER 1				SEMESTER 2		
KOD	KURSUS	KREDIT	KOD	KURSUS	KREDIT	
POL3113	Pengantar dan Falsafah Sains Sosial	3 (3+0)	POL3213	Pengenalan Pengurusan Komuniti	3 (3+0)	
POL3123	Pengenalan Pengurusan Dasar Awam	3 (3+0)	POL3223	Teori Pentadbiran Awam	3 (3+0)	
POL3133	Pengantar Sains Politik	3 (3+0)	POL3233	Pembentukan Dasar Awam	3 (3+0)	
MPU3223	Asas Keusahawanan	3 (3+0)	MPU3352	Integriti dan Anti Rasuah	2 (2+0)	
COM3112	Seni Komunikasi	2 (2+0)	MPU3132	Penghayatan Etika dan Peradaban	2 (2+0)	
	Elektif 1	3	MPU3142	Falsafah dan Isu Semasa	2 (2+0)	
CCxxxxx	Kokurikulum	2(0+2)		Elektif 2	3	
				Elektif 3	2	
Jumlah		19	Jumlah		20	
SEMESTER 3				SEMESTER 4		
POL3313	Etika Pengurusan Awam	3 (3+0)	POL3413	Pengurusan Modal Insan	3 (3+0)	
POL3323	Kaedah Penyelidikan Sains Sosial	3 (3+0)	POL3423	Komperatif Dasar Awam	3 (3+0)	
ECO3013	Pengenalan kepada Mikroekonomi	3 (3+0)	ECO3023	Pengenalan kepada Makroekonomi	3 (3+0)	
BBB3013	Academic Writing Skills	3 (3+0)	POL3414	Statistik dan Analisis Data	4 (4+0)	
CCM3011	Santuni Komuniti	1 (0+1)	BBB3033	English for Occupational Purposes	3 (3+0)	
	Elektif 4	3		Elektif 7	3	
	Elektif 5	2				
	Elektif 6	2				
Jumlah		20	Jumlah		19	
SEMESTER 5				SEMESTER 6		
ECO4373	Perancangan dan Pembangunan Ekonomi Malaysia	3 (3+0)	POL4613	Penilaian dan Pemantauan Program	3 (3+0)	
POL4513	Hubungan Antarabangsa	3 (3+0)	POL4623	Komuniti dan Sistem Governan ASEAN	3 (3+0)	
POL4524	Analisis Dasar Awam	4 (4+0)	POL4633-E	Polisi dan Pengurusan Persekutuan di Malaysia	3 (3+0)	
	Elektif 8	3	POL4643	Ekonomi Politik	3 (3+0)	
	Elektif 9	3	POL4613	Penilaian dan Pemantauan Program	3	
POL4983	PITA 1 / Elektif 10	3 (0+3)/3	POL4993	PITA II / Elektif 12	3 (0+3)/3	
Jumlah		19	Jumlah		18	
SEMESTER 7						
POL4978	Industrial Training	8 (0+8)				
Jumlah		8				
JUMLAH JAM KREDIT KESELURUHAN = 123						

Nota:

1. Pelajar wajib mengikuti **Program Survival dan Keselamatan Air** sebagai syarat bergraduat.
2. Jumlah jam kredit kursus elektif yang perlu diambil oleh pelajar dalam program pengajian adalah tertakluk kepada **jumlah jam kredit elektif** yang ditetapkan oleh program pengajian tersebut untuk memenuhi kelayakan bergraduat dan tidak tertakluk kepada **bilangan** kursus elektif yang diambil.
3. Senarai kursus elektif yang boleh diambil oleh pelajar dalam program pengajian adalah merujuk kepada penawaran kursus yang tertera dalam buku panduan program pengajian fakulti tersebut dan juga fakulti lain.

Rujukan: Kelulusan Senat UMT kali ke - 184 Tahun 2024

Skema Pelajar Antarabangsa

SEMESTER 1			SEMESTER 2		
CODE	COURSE	CREDIT HOUR	CODE	COURSE	CREDIT HOUR
POL3113	Introduction and Philosophy of Social Sciences	3 (3+0)	POL3213	Introduction to Community Management	3 (3+0)
POL3123	Introduction to Public Policy Management	3 (3+0)	POL3223	Theories of Public Administration	3 (3+0)
POL3133	Introduction to Political Science	3 (3+0)	POL3233	Public Policy Making	3 (3+0)
BBB3013	Academic Writing Skills	3 (3+0)	CCXXXX	Co Curriculum	2(0+2)
MPU3143	Communicative Malay Language	3 (3+0)	MPU3352	Integrity and Anti-Corruption	2(2+0)
	Elective 1	3	MPU3132	Appreciation of Ethics and Civilizations	2(2+0)
	Elective 2	2		Elective 3	3
				Elective 4	2
Total		20			Total 20
SEMESTER 3			SEMESTER 4		
POL3313	Public Administrative Ethics	3 (3+0)	POL3413	Human Capital Management	3 (3+0)
POL3323	Introduction to Social Science Research Methods	3 (3+0)	POL3423	Comparative Public Policy	3 (3+0)
ECO3013	Introduction to Microeconomics	3 (3+0)	ECO3023	Introduction to Macroeconomics	3 (3+0)
BBB3023	Public Speaking	3 (3+0)	POL3414	Statistic and Data Analysis	4 (4+0)
	Elective 5	3	BBB3033	English for Occupational Purposes	3 (3+0)
	Elective 6	2		Elective 8	3
	Elective 7	2			
Total		19			Total 19
SEMESTER 5			SEMESTER 6		
ECO4373	Planning and Development of the Malaysia Economy	3 (3+0)	POL4613	Evaluation and Monitoring Programme	3 (3+0)
POL4513	International Relations	3 (3+0)	POL4623	Community and Governance System ASEAN	3 (3+0)
POL4524	Public Policy Analysis	4 (4+0)	POL4633-E	Environmental Management and Policy in Malaysia	3 (3+0)
	Elective 9	3	POL4643	Political Economy	3 (3+0)
	Elective 10	3		Elective 12	3
	Elective 11	3		Elective 13	3
Total		19			Total h 18
SEMESTER 7					
POL4978	Industrial Training	8 (0+8)			
Total		8			
TOTAL CREDIT HOURS = 123					

Notes:

1. Students are required to undertake the **Survival and Water Safety Program** as a condition to graduate.
2. The number of elective course credit hours that must be taken by students in the program of study is subject to the **number of elective credit hours** set by the program of study to meet graduate qualifications and is not subject to the **number** of elective courses taken.
3. The list of elective courses that can be taken by students in the program of study refers to the course offerings listed in the handbook of the study program of the faculty and other faculties.

Rujukan: Kelulusan Senat UMT kali ke - 170 Tahun 2023

Sinopsis Kursus

Teras Program

POL3123 Pengenalan Pengurusan Dasar Awam

- Jam Kredit : 3 (3+0)
- Prasyarat : Tiada

Kursus ini memberi pengenalan kepada bidang dasar awam. Ia membincangkan maksud dasar awam, andaian-andaian asas dan orientasi teori yang mempengaruhi penelitian sarjana bidang dasar awam dan bagaimana isu awam menjadi isu dasar. Ia juga membincangkan mengenai aktor-aktor dalam proses dasar, proses pembuatan dasar awam, isu-isu dasar serta konsep-konsep asas untuk memahami isu-isu tersebut.

POL3133 Pengantar Sains Politik

- Jam Kredit : 3 (3+0)
- Prasyarat : Tiada

Kursus ini memberi pengenalan kepada asas sains politik. Ia mendedahkan pelajar-pelajar kepada asas pemikiran, proses-proses, institusi-institusi dan sistem politik. Ia turut memberi penekanan kepada kepentingan dan kemahiran dalam ilmu politik, prinsip-prinsip politik dan langkah-langkah untuk menangani krisis politik.

POL3113 Pengantar dan Falsafah Sains Sosial

- Jam Kredit : 3 (3+0)
- Prasyarat : Tiada

Kursus ini akan memperkenalkan disiplin-disiplin bidang Sains Sosial seperti Sosiologi, Antropologi, Psikologi, Sejarah, Ekonomi, Sains Politik dan Geografi. Perbincangan dalam kursus ini adalah mengenai teori, falsafah, prinsip dan konsep-konsep asas yang berkaitan dengan Sains Sosial yang meliputi sejarah sains sosial, simbol dan budaya, struktur sosial (unsur-unsur dan proses), stratifikasi sosial, interaksi sosial, sosialisasi, perubahan sosial, kumpulan dan organisasi, institusi sosial, populasi, komuniti dan alam persekitaran.

POL3213 Pengenalan Pengurusan Komuniti

- Jam Kredit : 3 (3+0)
- Prasyarat : Tiada

Kursus ini memberi pendedahan kepada pelajar tentang pengetahuan asas mengenai komuniti, sejarah kewujudan komuniti manusia dan kaedah menganalisis sesebuah komuniti. Pelajar juga didedahkan kepada teori, strategi, model dan pendekatan pembangunan komuniti terutama pendekatan "bawah-atas" dan "atas- bawah" dalam merancang dan membangunkan sesebuah komuniti.

POL3223 Teori Pentadbiran Awam

- Jam Kredit : 3 (3+0)
- Prasyarat : Tiada

Kursus ini mengemukakan aspek-aspek penting dalam pengajian pentadbiran dan polisi awam meliputi perbincangan mengenai perkembangan kajian pentadbiran awam. Aspek-aspek lain dalam pendekatan pentadbiran awam seperti falsafah, teori dan konsep utama pentadbiran awam dan nilai juga disentuh.

POL3323 Kaedah Penyelidikan Sains Sosial

- Jam Kredit : 3 (3+0)
- Prasyarat : Tiada

Kursus ini memperkenalkan pelajar kepada pendekatan dan teknik penyelidikan kualitatif dan kuantitatif. Kandungan kursus tertumpu kepada proses dan langkah-langkah penting untuk melaksanakan penyelidikan dalam sains sosial. Pada penghujung kursus, pelajar mampu memahami dan menerapkan pendekatan dan teknik penyelidikan kualitatif dan kuantitatif untuk merancang, menilai dan mengendalikan projek penyelidikan dalam bidang pengajian dasar awam.

POL3413 Pengurusan Modal Insan

- Jam Kredit : 3 (3+0)
Prasyarat : Tiada

Kursus ini mengkaji penggunaan yang paling berharga dari semua sumber iaitu modal insan, dalam mencapai matlamat organisasi. Modal insan adalah kemahiran kolektif, pengetahuan, atau aset lain individu yang tidak ketara boleh digunakan untuk mewujudkan nilai ekonomi bagi individu, majikan, atau masyarakat. Kursus ini adalah gabungan pengurusan sumber manusia strategik dan pengurusan pengetahuan. Modul ini membentangkan model Pembangunan Modal Insan yang memberi tumpuan kepada pembinaan kelebihan daya saing melalui pembangunan kapasiti yang unik. Pendekatan yang lebih seimbang untuk Modal Insan (HC) diguna pakai dengan keperluan untuk memberi tumpuan dan mengurus ilmu melalui pengurusan manusia. Peranan kritikal HRM ditekankan dalam mewujudkan dan mengekalkan persekitaran yang berpengetahuan.

POL3414 Statistik dan Analisis Data

- Jam Kredit : 4 (4+0)
- Prasyarat : Tiada

Kursus ini bertujuan memperkenalkan pelajar kepada konsep asas statistik sains sosial. Ia merangkumi konsep-konsep seperti data, taburan data, hipotesis, ujian statistik deskriptif dan inferens. Pada bahagian akhir kursus ini pelajar didedahkan dengan ukuran-ukuran perhubungan statistik, iaitu dalam bentuk korelasi dan perbezaan dalam penganalisaan data.

POL4513 Hubungan Antarabangsa

- Jam Kredit : 3 (3+0)
- Prasyarat : Tiada

Kursus ini mendedahkan pelajar kepada ciri-ciri asas hubungan antarabangsa. Ia meliputi perbincangan mengenai perkembangan masyarakat antarabangsa, arena dan sistem antarabangsa, pendekatan teori dan juga aktor dalam hubungan antarabangsa. Pelajar juga didedahkan dengan struktur dan proses dalam hubungan antarabangsa termasuk ekonomi politik antarabangsa, politik alam sekitar antarabangsa dan keselamatan antarabangsa. Isu dunia masakini khususnya selepas era Perang Dingin seperti alam sekitar, kewilayahana, pembangunan, kawalan persenjataan, penjagaan keamanan, keganasan antarabangsa juga dibincangkan.

POL3233 Pembentukan Dasar Awam

- Jam Kredit : 3 (3+0)
- Prasyarat : Tiada

Kursus ini fokus bagaimana kerajaan membuat polisi di Malaysia. Ianya juga mengambilkira peranan institusi-institusi lain dan aktor utama dalam proses pembentukkan dasar. Kursus ini juga member tumpuan kepada peringkat-peringkat pembentukkan dasar awam secara amnya dan Malaysia khususnya.

POL3423 Komperatif Dasar Awam

- Jam Kredit : 3 (3+0)
- Prasyarat : Tiada

Kursus ini mengkaji aktor, proses dan *outcomes* berkaitan dasar awam dari pendekatan perbandingan. Pelajar menganalisis konsep dan pendekatan yang diterapkan oleh pembuat dasar dengan membahaskan kaedah-kaedah untuk menerangkan dan memahami pembuatan dan *outcomes* dasar awam yang dipengaruhi oleh isu-isu domestik, serantau dan global. Pelajar akan menyelidik sesuatu dasar secara mendalam dengan menggunakan pendekatan perbandingan dalam kerangka kajian kes sesuatu dasar kerajaan di sesebuah negara.

ECO4373 Perancangan dan Pembangunan Ekonomi Malaysia

- Jam Kredit : 3 (3+0)
- Prasyarat : Tiada

Kursus ini bertujuan memberi pengetahuan mengenai proses penggubalan kandungan serta perlaksanaan dasar serta strategi pembangunan seperti Rancangan Malaysia Lima Tahun, Pelan Induk Perindustrian, Dasar Pertanian Negara, Rangka Rancangan Jangka Panjang dan Wawasan 2020. Ia juga memberi pendedahan kepada fungsi, peranan dan operasi agensi-agensi pembangunan termasuk Unit Perancangan Ekonomi, Kementerian Pertanian, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Jabatan-jabatan Perikanan, Pertanian, FELDA, RISDA, FELCRA, Bank Negara dan Unit Penyelaras dan Perlaksanaan. Pelajar juga akan diberi latihan merangka, menyedia, dan membentang kertas kerja mengenai topik-topik terpilih tentang perancangan dan pembangunan.

POL4623 Komuniti dan Sistem Governan ASEAN

- Jam Kredit : 3 (3+0)
- Prasyarat : Tiada

Aliran globalisasi semasa mempengaruhi bentuk sistem governan. Menerusi pandangan globalisasi, governan di peringkat domestik dikatakan semakin terikat sekiranya ditinjau dari segi kebolehupayaannya untuk mengawal bentuk, sistem atau kaedah governan kebangsaan. Kursus ini mengkaji cabaran-cabaran sistem governan domestik dalam kerangka serantau. Pelajar akan menganalisis secara perbandingan isu-isu dan cabaran-cabaran tersebut bagi memperluaskan pandangan mereka mengenai konsep governan itu sendiri.

POL4524 Analisis Dasar Awam

- Jam Kredit : 4 (4+0)
- Prasyarat : Tiada

Kursus ini memperkenalkan pelajar kepada pengetahuan asas tentang bidang analisis polisi. Kursus ini akan meninjau kepada pelbagai teori dan praktikal yang akan menjurus kepada pengajian analisis polisi. Pelajar juga akan menunjukkan pengetahuan mereka dalam bidang analisis polisi melalui pelbagai bacaan, penulisan dan pembentangan hasil kerja sepanjang semester. Ianya akan memdedahkan pelajar kepada proses-proses menganalisis polisi melalui teknik-teknik analisi polisi. Beberapa kajian kes polisi akan dinilai melalui pembacaan, pengajaran dan juga penceramah jemputan.

POL4613 Penilaian dan Pemantauan Program

- Jam Kredit : 3 (3+0)
- Prasyarat : Tiada

Pemantauan dan penilaian adalah aspek penting kepada pembuat dasar dalam mana-mana program pembangunan yang berkesan. Kursus ini akan memberi pendedahan kepada pelajar tentang kepentingan program pemantauan dan penilaian dalam pengurusan sumber sekitaran. Kursus ini memberi gambaran tentang aktiviti-aktiviti pemonitoran dan penilaian yang dijalankan di Malaysia. Di akhir kursus, pelajar akan ditekankan tentang perlunya suatu pendekatan yang lebih holistik dalam mewujudkan program pemantauan dan penilaian yang berkesan.

POL3313 Etika Pengurusan Awam

- Jam Kredit : 3 (3+0)
- Prasyarat : Tiada

Kursus ini memfokus kepada teori dan praktis etika pentadbiran secara amnya. Walau bagaimanapun pelbagai contoh khusus dari konteks Malaysia akan diguna pakai untuk menjelaskan etika pentadbiran di negara ini. Pelajar akan didedahkan kepada teori etika dalam pengurusan etika pentadbiran. Kupasan mendalam tentang sifat, jenis kewajipan dan dilemma etika penjawat awam akan dilakukan. Perbincangan tentang pendekatan integriti dan pendekatan kepatuhan, serta kekuatan dan kelemahan pendekatan-pendekatan ini dalam menangani kesalahan etika dalam kalangan penjawat awam juga akan dibentangkan. Kursus diakhiri dengan mengemukakan cadangan tentang strategi yang boleh digunakan untuk meningkatkan lagi pengurusan etika pentadbiran di Malaysia.

POL4633-E Polisi dan Pengurusan Persekutaran di Malaysia

- Jam Kredit : 3 (3+0)
- Prasyarat : Tiada

Kursus ini memperkenalkan konsep-konsep umum tentang Dasar alam sekitar, prinsip-prinsip ekologi serta komponen-komponen alam sekitar yang berkaitan. Kursus ini turut membincangkan konsep pembangunan lestari dalam hubungannya dengan alam sekitar serta meneliti sistem dan corak pengurusan alam sekitar yang khusus yang dilakukan di Malaysia. Selain daripada itu, kursus juga membincangkan beberapa bentuk Dasar alam sekitar negara dan antarabangsa yang diperkenalkan oleh kerajaan untuk mencapai pembangunan mapan.

POL4643 Ekonomi Politik

- Jam Kredit : 3 (3+0)
Prasyarat : Tiada

Kursus ini mendedahkan pelajar kepada pengetahuan aspek ekonomi dan ekonomi politik yang mempengaruhi proses pembuatan dan pelaksanaan polisi awam. Dalam aspek ekonomi, pelajar didedahkan dengan sejarah pemikiran ekonomi. Manakala dalam aspek ekonomi politik pula, hubungkait di antara politik dan ekonomi yang bincangkan dalam konteks permasalahan kelas, kuasa, institusi dan sistem ekonomi perdana yang mempengaruhi ekonomi global. Kursus ini menyediakan pemahaman kritikal terhadap sistem ekonomi kapitalisme bukan kapitalisme serta isu-isu semasa ekonomi politik.

ECO3023 Pengenalan kepada Makroekonomi

- Jam Kredit : 3 (3+0)
- Prasyarat : Tiada

Kursus ini menjelaskan dengan mendalam konsep perakaunan pendapatan, guna tenaga, inflasi dan pengangguran, dasar-dasar makroekonomi dan model-model makroekonomi.

ECO3013 Pengenalan kepada Mikroekonomi

- Jam Kredit : 3 (3+0)
- Prasyarat : Tiada

Kursus ini meliputi topik-topik teori gelagat pengguna termasuk konsep keanjalan, teori pengeluaran dan kos pengeluaran, analisis perletakan harga dan keluaran dalam pelbagai struktur pasaran, implikasi kebijakan dan pasaran faktor-faktor pengeluaran.

POL4978 Latihan Industri

- Jam Kredit : 8 (8+0)
- Prasyarat : Tiada

Kursus ini bertujuan untuk mendedahkan pelajar kepada pengalaman kerja. Tumpuan diberikan kepada perancangan dan aplikasi teori sumber alam sesuai dengan major yang dipilih. Latihan Industri akan dijalankan di organisasi di bawah penyeliaan pensyarah dan penyelia industri yang dilantik

Elektif Program

POL3013 Pengenalan Antropologi dan Sosiologi

- Jam Kredit : 3 (3+0)
- Prasyarat : Tiada

Kursus ini akan membahas tentang aspek manusia dalam konteks ilmu sains sosial. Perbincangan dalam kursus ini adalah mengenai ilmu antropologi yang memperkenalkan pengetahuan asas tentang perkembangan awal tamadun manusia yang berkaitan dengan pembentukan budaya, khususnya evolusi manusia dan budaya material. Juga dibincangkan mengenai ilmu sosiologi yang membicarakan hubungkait antara manusia dan masyarakat. Penekanan perbincangan mengenai kedua-dua disiplin ini yang tergolong dalam rumpuan sains sosial dan mempunyai falsafah ilmu yang sama, namun perkembangan kedua-duanya dari segi teori, metodologi dan perkembangan ilmu sering mengikut jalur yang berbeza. Dalam konteks ini, isu *indigenization of knowledge* dan pengalaman Malaysia dalam mengembangkan ilmu antropologi dan sosiologi akan diberi tumpuan khusus.

POL3063 Sosiologi Industri

- Jam Kredit : 3 (3+0)
- Prasyarat : Tiada

Kursus ini membincangkan konsep dan teori sosiologi yang digunakan dalam mengkaji perkembangan industri. Ia memberi fokus kepada teori-teori sosiologi yang berkaitan, aplikasi teori secara mendalam dalam industri dan masyarakat secara umum.

POL3023 Pembangunan Manusia dan Polisi Sosial

- Jam Kredit : 3 (3+0)
- Prasyarat : Tiada

Kursus ini memperkenalkan pelajar kepada konsep dan teori pembangunan manusia, perundangan dan institusi yang membangunkan kemanusiaan. Proses perancangan, polisi sosial dan personel, isu semasa dalam pembangunan manusia juga dibincangkan.

POL4023 Demografi dan Dinamik Populasi

- Jam Kredit : 3 (3+0)
- Prasyarat : Tiada

Kursus ini memberi pendedahan kepada konsep asas demografi seperti struktur dan dinamik populasi, stabiliti populasi, statistik kependudukan dan ekologi. Teknik-teknik analisis data yang menekankan aplikasi kepada polisi awam. Pemahaman akan penentu dan petunjuk perubahan populasi dan menggunakan untuk menilai polisi kependudukan. Perkaitan empirikal di antara pembangunan ekonomi dengan fenomena demografi.

POL4033 Penilaian Impak Sosial

- Jam Kredit : 3 (3+0)
- Prasyarat : Tiada

Kursus ini bertujuan memperkenalkan pelajar kepada bidang Penilaian Impak Sosial yang cuba menilai dampak sebenar sesuatu projek pembangunan ke atas masyarakat. Kursus ini membincangkan pelbagai aspek penilaian impak sosial yang meliputi konsep, teori, prinsip, kaedah dan pengauditan impak sosial yang diambil dari pengalaman penilaian impak di Malaysia dan negara-negara lain.

POL4053 Polisi Kependudukan dan Demografi Malaysia

- Jam Kredit : 3 (3+0)
- Prasyarat : Tiada

Kursus ini memperkenalkan pelajar beberapa pendekatan polisi yang digunakan pelbagai negara dalam mengawal pertumbuhan penduduk. Fertiliti adalah faktor paling penting yang mempengaruhi pertumbuhan penduduk suatu negara. Kursus ini membincangkan polisi kependudukan untuk mengawal kadar pertumbuhan penduduk. Ia bermula dengan pengenalan mengenai bidang pengajian polisi kependudukan dan demografi Malaysia serta membincangkan perkaitan antara kependudukan dengan pertumbuhan ekonomi serta pembangunan negara. Kursus ini juga membincangkan penentu sosioekonomi dan biososial yang mempengaruhi fertiliti serta membincangkan pengalaman beberapa negara memanipulasikan penentu tersebut untuk menurunkan pertumbuhan penduduk. Pada bahagian akhir kursus ini para pelajar didedahkan dengan beberapa aspek yang menjadi ciri demografi di Malaysia.

POL3033 Perancangan dan Pembangunan Lestari

- Jam Kredit : 3 (3+0)
- Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi tentang pemahaman konsep, dimensi serta prinsip-prinsip dalam usaha ke arah mencapai pembangunan yang mampan. Pengukuran kelestarian, teknik perancangan, pendekatan penyertaan dan pemegang kepentingan serta cabaran dalam mencapai kelestarian juga dibincangkan. Antara isu-isu yang dibincangkan termasuk isu kependudukan, pembandaran, kualiti hidup, serta alam sekitar dalam mencapai pembangunan mampan.

ECO4001 Ekonomi Awam

- Jam Kredit : 3 (3+0)
- Prasyarat : Tiada

Kursus ini memberikan pengenalan mengenai peranan dan kepentingan ekonomi sektor awam. Tajuk-tajuk yang dibincangkan adalah termasuk teori barang awam, perletakan harga, pertumbuhan dan pembiayaan sektor awam, analisis kos faedah dan sistem undian. Perbincangan mendalam akan terfokus kepada faktor-faktor kegagalan pasaran, penglibatan kerajaan dalam menentukan sistem pencukaian terbaik dan pengagihan semula pendapatan.

POL4043 Pembangunan dan Perubahan Sosial

- Jam Kredit : 3 (3+0)
- Prasyarat : Tiada

Kursus ini memberi pendedahan kepada pelajar tentang konsep pemodenan dan pembangunan masyarakat. Kursus ini dimulakan dengan penerangan mengenai konsep, isu, trend dan faktor yang menyumbang kepada perubahan sosial. Di akhir kursus ibi pelajar akan memberi fokus kepada agen-agen perubahan dan perkara yang berkait dengannya.

POL4013 Perlaksanaan Dasar Awam

- Jam Kredit : 3 (3+0)
- Prasyarat : Tiada

Kursus ini akan memperkenalkan institusi, proses dan amalan yang berkaitan dengan pelaksanaan dasar di sektor awam. Penekanannya adalah berkaitan fungsi dan peranan sektor awam dalam pemerintahan demokratik dan bagaimana kaedah meningkatkan pelaksanaan dasar pada abad ke-21. Topik perbincangan akan merangkumi perspektif pelaksanaan dasar, perkhidmatan awam, birokrasi dan birokrat peringkat jalanan; hubungan antara organisasi; melaksanakan dasar kerajaan persekutuan, negeri dan tempatan; akauntabiliti dan institusi awam dalam pemerintahan moden; menguruskan pembaharuan dasar, kawasan pilihan raya dan orang awam; dan organisasi program, projek dan perancangan.

POL3042 Perancangan Strategik

- Jam Kredit : 2 (2+0)
- Prasyarat : Tiada

Kursus ini akan memberi pendedahan kepada pelajar tentang pendekatan penting yang digunakan dalam perancangan strategik oleh sektor awam. Disamping itu juga, aspek-aspek lain dari perancangan strategik adalah prinsip asas, proses dan aplikasi teori yang terdapat dalam perancangan strategik oleh organisasi awam juga akan dibincangkan.

POL3053 Sosiologi Perbandaran

- Jam Kredit : 3 (3+0)
- Prasyarat : Tiada

Kursus ini merupakan memberi pendedahan kepada pelajar mengenai konsep asas sosiologi dan proses perbandaran. Situasi kini menunjukkan bahawa kawasan bandar adalah pusat pemodenan yang perlu di fahami kerana kehidupan di bandar adalah lebih rumit dan kompleks. Perubahan norma, keperluan pendidikan dan infrastruktur kepada masyarakat perlu dikaji. Perubahan dalam sesbuah institusi sosial dan sistem keluarga adalah asas kepada perancangan bandar yang mesra rakyat juga akan turut dibincangkan.

Elektif

POL4983 Projek Ilmiah Tahun Akhir I

- Jam Kredit : 3 (0+3)
- Prasyarat : Tiada

Kursus ini merupakan fasa 1 bagi Projek Ilmiah Tahun Akhir. Penekanan diberikan pada kerangka kajian yang menyentuh aspek permasalahan kajian, sorotan literatur dan teknik penyelidikan yang sesuai. Pada penghujung kursus, pelajar akan menghasilkan satu proposal penyelidikan polisi dan sekitaran sosial yang mengandungi permasalahan kajian, sorotan literatur dan metodologi.

POL4993 Projek Ilmiah Tahun Akhir II

- Jam Kredit : 3 (0+3)
- Prasyarat : Tiada

Kursus ini merupakan fasa II bagi Projek Ilmiah Tahun Akhir. Penekanan diberikan pada analisis data dan dapatan kajian yang diperolehi menerusi data yang dikumpulkan oleh pelajar. Pada penghujung kursus, pelajar akan mengabung, menyemak dan memurnikan hasil kerja PITA I dan PITA II bagi menghasilkan satu Latihan Ilmiah yang lengkap dengan bab-bab pengenalan, sorotan literatur, metod, perbincangan, analisis, dapatan kajian dan kesimpulan.

SINOPSIS KURSUS TERAS UNIVERSITI

Kursus	: BBB3013 Academic Writing Skills
Kredit	3 (3+0)
Prasyarat	MUET (Bands 3-6)

This course is designed to develop students' competence in writing. It introduces students to the skills needed to become effective writers. Students will be guided through the main stages in writing such as pre-writing, outlining, drafting, and revising which will enable them to produce well-organised and adequately developed essays. Emphasis is also given on creative and critical thinking which are integral to the writing process.

Kursus	: BBB3033 English For Occupational Purposes
Kredit	3 (3+0)

The course will cover a range of topics that is related to occupational needs such as writing a resume, memorandum, and proposal, speaking during a job interview and meeting, and presenting ideas in front of an audience. Learners will learn common language functions and to utilise them appropriately in workplace situations. Exercises and practical in-class sessions will be conducted to give learners some insight into English communication needs in the workplace.

Kursus	: MPU3223 Asas Keusahawanan
Kredit	3 (3+0)
Prasyarat	Tiada

Kursus ini memberi pendedahan awal kepada pelajar tentang konsep asas bidang keusahawanan. Pelajar juga akan melakukan aktiviti pembelajaran yang menjurus kepada membina minda keusahawanan sebagai persediaan awal menempuh alam kerjaya kelak.

MPU3132 : Penghayatan Etika dan Peradaban

Kredit : 2 (2+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini menerangkan tentang konsep etika daripada perspektif peradaban. Ia bertujuan bagi mengenal pasti sistem, tahap perkembangan, kemajuan dan kebudayaan sesuatu bangsa dalam mengukuhkan kesepadan sosial. Selain itu, perbincangan berkaitan isu-isu kontemporari dalam aspek ekonomi, politik, sosial, budaya dan alam sekitar daripada perspektif etika dan peradaban dapat melahirkan pelajar yang bermoral dan profesional. Penerapan Amalan Pendidikan Berimpak Tinggi (HIEPs) yang bersesuaian digunakan dalam penyampaian kursus ini. Di hujung kursus ini pelajar akan dapat menghubungkaitkan etika dan kewarganegaraan berminda sivik.

MPU3142 : Falsafah dan Isu Semasa

Kredit : 2 (2+0)


Prasyarat : Tiada

Kursus merangkumi hubungan ilmu falsafah dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Rukunegara. Falsafah digunakan sebagai alat untuk memurnikan budaya pemikiran dalam kehidupan melalui seni dan kaedah berfikir serta konsep insan. Topik utama dalam falsafah iaitu epistemologi, metafizik, dan etika dibincangkan dalam konteks isu semasa. Penekanan diberi kepada falsafah sebagai asas bagi menjalin dialog antara budaya serta memupuk nilai sepunya. Di hujung kursus ini pelajar akan mampu melihat disiplin-disiplin ilmu sebagai satu badan ilmu yang komprehensif dan terkait antara satu sama lain.

**SENARAI NAMA PENSYARAH
PROGRAM SARJANA MUDA PENGURUSAN (PENGAJIAN POLISI) DENGAN KEPUJIAN**

BIL	NAMA	JAWATAN	EMEL	TALIAN (09- 668XXXX)
1	Prof. Madya Dr. Rosyidah Muhamad	Ketua Program / Pensyarah Universiti	rosyidah@umt.edu.my	4202/ 3479
2	Prof. Madya Dr. Nazli Aziz	Pensyarah Universiti	nazli_aziz@umt.edu.my	5108
3	Prof. Madya Dr. Mohd Yusri Ibrahim	Pensyarah Universiti	yusri@umt.edu.my	3483
4	Prof. Madya Dr. Nor Hayati Sa'at	Pensyarah Universiti	norhayati@umt.edu.my	3267
5	Prof. Madya Dr. Roslina Ismail	Pensyarah Universiti	roslina@umt.edu.my	4860
6	Dr. Zikri Muhammad	Pensyarah Universiti	zikri@umt.edu.my	3181
7	Dr. Siti Aisyah Saat	Pensyarah Universiti	s.aisyah@umt.edu.my	3564
8	Dr. Rahaya Md. Jamin	Pensyarah Universiti	rahaya.jamin@umt.edu.my	3275
9	Ts. Dr. Latifah Abdul Ghani	Pensyarah Universiti	latifah.ghani@umt.edu.my	4954
10	Dr. Rohana Ahmad	Pensyarah Universiti	rohana.a@umt.edu.my	3750
11	Dr. Yulita	Pensyarah Universiti	yulita@umt.edu.my	5011
12	Dr. Abdul Rahman Abdul Latip	Pensyarah Universiti	rahmanlatip@umt.edu.my	3306
13	Dr. Norfatiha Othman	Pensyarah Universiti	norfatiha.othman@umt.edu.my	3484
14	Dr. Siti Hajar Kamaruddin	Pensyarah Universiti	s.hajar@umt.edu.my	5046
15	Dr. Mohd Shazwan Mohd Arifin	Pensyarah Universiti	m.shazwan@umt.edu.my	4309
16	Dr. Siti Munirah Mauzud	Pensyarah Universiti	s.munirah@umt.edu.my	3166
17	Pn. Rozita Muhamad Nawi	Pensyarah Universiti	rozitamn@umt.edu.my	3202

HUBUNGI KAMI



**Fakulti Perniagaan, Ekonomi Dan Pembangunan Sosial
Universiti Malaysia Terengganu
21030 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia**

-  **+609 668 4149**
-  fbesd@umt.edu.my
-  fbesd.umt.edu.my
-  www.facebook.com/OfficialFBESD